



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA**

**PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA**

Blok C1 - C3, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-80008000  
Faks (Fax): 603-88892181  
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/9/27-1 ( 3 )  
Tarikh : 9 Januari 2018

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PPT) GRED N40 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2018/2019**

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, JPA sedang dalam proses **persediaan pengisian kekosongan jawatan Penolong Pegawai Tadbir (PPT) Gred N40 bagi tahun 2018/2019** dan dengan ini memohon pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat PPT Gred N36 yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:-

- 2.1 Telah dinaikkan pangkat sebagai PPT Gred N36 **pada 31 Disember 2012 dan sebelum;**
- 2.2 **Tidak hilang kekenanan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred N36 berubah ke tarikh 1 Januari 2013 dan seterusnya;**
- 2.3 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2014, 2015 dan 2016) **tidak kurang 80%;**
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan
- 2.8 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** seperti disertakan.

2/..

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dimohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 2 Februari 2018** di alamat:-

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
(u.p.: **Encik Mohd Zulkefley bin Mohd Sabri**)

5. Dimaklumkan bahawa, menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2 sahaja dikemukakan ke JPA**. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan)**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:-

- |     |   |   |              |
|-----|---|---|--------------|
| i.  | Puan Yusleli binti Hj. Mohd Yunos<br>yusleli.yunos@jpa.gov.my | - | 03-8885 4351 |
| ii. | Encik Noor Azrai bin Amran<br>azrai.amran@jpa.gov.my          | - | 03-8885 4121 |

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)**  
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Ganasama  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
**MALAYSIA**

☎ : 03-8885 4110  
✉ : zulkefley.sabri@jpa.gov.my